## NOTA PANDUAN MENGISI BORANG CKHT 3

| Bil | Ruangan | Catatan |
|---|---|---|
| 1 | Nama pelupus | Nama pelupus yang lengkap (Rujuk dokumen pelupusan). Pelupus terdiri daripada:<br><br>i. Pelupus; atau<br>ii. Wasi; atau<br>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau<br>iv. Nomini; atau<br>v. Pemegang Amanah.<br><br>**Kes nomini**<br><br>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah), oleh itu nama pelupus pada akuan adalah nama A (bertindak sebagai nomini). |
| 2 | No rujukan | Isikan no. kad pengenalan / No. Polis / No. Tentera / No. pasport / No. pendaftaran bagi pelupus. |
| 3 | No cukai pendapatan | Isikan no. cukai pendapatan bagi pelupus. |
| 4 | Maklumat harta tanah / syer dalam syarikat harta tanah | Maklumat berkenaan aset yang dilupuskan. |
| 5 | Nama pemeroleh | Nama pemeroleh yang lengkap (Rujuk kepada dokumen pelupusan). Pemeroleh terdiri daripada:<br><br>i. Pemeroleh; atau<br>ii. Wasi; atau<br>iii. Pentadbir Harta Pusaka; atau<br>iv. Nomini; atau<br>v. Pemegang Amanah.<br><br>**Kes Nomini,** jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemeroleh harta tanah), Akuan perlu ditandatangani oleh A (bertindak sebagai nomini). |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Pengecualian rumah kediaman (Seksyen 8) | Pelupus belum pernah membuat permohonan pengecualian rumah kediaman persendirian di bawah Perenggan 9 Jadual 3 sebelum ini. |
| 7 | Kes kerugian termasuk rugi lelongan awam | Kerugian adalah merujuk kepada harga pelupusan adalah kurang daripada harga pemerolehan daripada transaksi selengan. (Seksyen 7(1)(b) ACKHT 1976) |
| 8 | Pelupusan aset di bawah perenggan 17 Jadual 2 | Pelupusan aset di antara syarikat di dalam kumpulan yang sama. |
| 9 | Pelupusan aset yang dikecualikan cukai di bawah pengecualian yang berkuatkuasa | Nyatakan nombor perintah / surat pengecualian yang berkaitan, contoh :–<br>• P.U. (A) 486<br>• P.U. (A) 360<br>• P.U. (A) 372 |
| 10 | Pelupusan aset yang tidak kena cukai | Nyatakan peruntukan ACKHT yang berkaitan,<br>Contoh :-<br>• Tiada keuntungan setelah ditolak pengecualian perenggan 4 Jadual 2<br>• Pelupusan yang tertakluk di bawah perenggan 3(b) Jadual 2 |
| 11 | Tandatangan | Pelupus perlu menandatangani borang ini<br><br>**Kes Nomini**<br><br>Jika dalam perjanjian menyatakan A bertindak sebagai nomini kepada B (pemilik harta tanah), akuan perlu perlu ditandatangani oleh A (bertindak sebagai nomini).<br><br>Bagi pelupusan secara lelongan, perenggan 29 Jadual 2 ACKHT 1976, membolehkan bank menandatangani perakuan bagi pihak pelupus.<br><br>Kegagalan menandatangani ruangan ini, membolehkan boleh dianggap tidak lengkap.<br><br>Borang CKHT3 perlulah dikemukakan bersama-sama boring CKHT 1A / 1B dan CKHT 2A dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan. |
| 12 | Tarikh | Tarikh akuan ditandatangani |